

Menerima Perbezaan serta Menilai Orang Lain Berdasarkan Sifat dan Kemampuannya

Kita harus mendidik anak kita untuk menghargai dan menghormati setiap manusia tanpa pilih-pilih. Anak tidak kira usia, terutama remaja, mampu kejam, tidak peka dan merendahkan rakan sebayanya yang lain.

Kita harus mendidik remaja untuk mendengarkan pendapat orang lain yang datang dari pelbagai latar belakang yang berbeza, dengan sikap hormat. Ini tidak bererti kita harus setuju dengannya atau menerima pendapatnya, tetapi kita menerima dan bertoleransi terhadap pilihannya, seperti kita ingin orang lain bertoleransi dengan pilihan kita.

Menghormati Hak Orang Lain

Ibu bapa yang memiliki sikap hormat berusaha agar anaknya memperoleh kesempatan untuk ikut membuat keputusan, apabila terjadi hal-hal yang bersangkutan dengan kehidupan si anak. Dengan memberikan kesempatan kepada anak untuk turut serta dalam membuat keputusan, ibu bapa menunjukkan sikap hormat dan menimbulkan rasa tanggungjawab.

Ini tidak bererti ibu bapa harus menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab untuk membuat keputusan kepada anaknya apabila mereka belum dewasa. Ini bererti, ibu bapa harus bermula seawal mungkin untuk melatih anak agar bertanggungjawab.

Menghindari Kekerasan dalam Kata-Kata mahupun Tindakan

Membentuk sikap hormat, antara lain, bererti melatih anak menyelesaikan perselisihan, menerima penghinaan dan mengatasi perasaan marah dengan damai tanpa kekerasan. Sikap hormat kepada orang lain juga bererti tidak menggunakan ancaman atau kekuatan fizikal dalam mencapai keinginan atau mengungkapkan marah. Ibu bapa harus mengajar anak mereka cara menangani konflik dan sengketa melalui perbincangan, tanpa tingkah laku agresif ataupun kekerasan.

Sikap hormat adalah konsep yang amat penting bagi remaja, terutama dalam golongan kumpulan mereka yang tersendiri (*geng*), adalah amat kuat pengaruhnya pada kehidupan remaja bandar. Pada golongan remaja yang mempunyai *geng* ini sikap hormat mempunyai makna yang

sangat berbeza dengan makna yang diberikan dalam falsafah akhlak. Sikap hormat bukanlah sesuatu yang harus kita tunjukkan kepada orang lain, tetapi adalah sesuatu yang harus ditunjukkan orang lain kepada kita.

Menurut seorang anggota *geng*, Nathan McCall, sikap hormat bermakna pengakuan orang lain bahawa "Saya adalah orang yang harus dipertanggungjawabkan atau ditakuti".

Di daerah-daerah yang dikuasai oleh kumpulan atau *geng*, apabila seseorang menunjukkan sikap tidak hormat kepada orang lain, baik sungguh-sungguh mahupun hanya sekadar main-main, hal itu adalah penghinaan terbesar. Jika seseorang memandang anggota mereka dengan cara yang salah, berani menggunakan lambang kumpulan lain di depannya, atau hanya sekadar berani memasuki "daerahnya", tindakan itu akan dianggap tidak hormat dan hukumannya pasti berupa pukulan dan pergaduhan yang boleh membawa kepada pembunuhan.

Ini kembali kepada zaman raja-raja yang kejam dan primitif; tidak ada rasa peduli, penghargaan kepada orang lain dan tidak hukuman yang adil. Tidak ada usaha membezakan antara perbuatan yang disengajakan dan tidak sengaja serta antara orang yang bersalah dan yang tidak bersalah.

Oleh kerana konsep "hormat adalah takut" begitu tersebar luas di masyarakat, anak kita harus benar-benar memahami bahawa sikap hormat sejati tidak berhubungan dengan rasa takut. Bahkan, sikap hormat, seperti cinta, hanya akan bernilai apabila diberikan secara bebas serta berasall dari perasaan yang tulus dan ikhlas. Ekspresi sikap hormat yang palsu, yang timbul dari rasa takut, sebenarnya adalah sebuah bentuk penghinaan.

Ibu bapa perlu memahami bahawa kemungkinan reaksi kekerasan dapat dikurangkan jika remaja diberi strategi dan teknik yang spesifik, agar dia mampu mengembangkan dan mengekspresikan sikap hormat kepada dirinya sendiri dengan cara yang wajar, mampu memecahkan konflik dan masalah tanpa melakukan kekerasan atau tingkah laku yang tidak hormat.



Bimbinglah anak kita ke arah jalan yang benar